

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 JANUARI 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 8

Mekanisme kawalan harga dikaji elak bekalan kurang

Mekanisme kawalan harga dikaji elak bekalan kurang

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) bakal mengumumkan mekanisme bersesuaian bagi menggantikan kaedah kawalan harga.

Perkara itu dimaklumkan menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub yang mengulas gesaan Persekutuan Peniaga Barang Runcit Malaysia untuk menangani isu kekurangan bekalan.

"Kita memang ada kaji pelbagai mekanisme yang terbaik dan saya akan mengumumkan dalam masa terdekat, insya-Allah," katanya dalam sidang akhir selepas menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan KPDN serta menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2023 di sini semalam.

Minggu lalu, presiden persatuan tersebut, Hong Chee Meng ketika diwawancara sebuah akhbar Cina tempatan menyaranakan agar kerajaan menghapuskan sistem kawalan harga dan mendakwa kesemua produk ada masalah kekurangan stok selama ini merupakan barang yang dikawal harga, tetapi, isu ini tidak pula dialami bagi barang-barangan tanpa kawalan.

Antara contoh yang berlaku ialah minyak masak paket satu kilogram bersubsidi apabila masih lagi tidak cukup sedangkan bekalanannya adalah berlebihan di pasaran se-luruh negara.

Situasi itu ujar Chee Meng disebabkan sifat semula jadi pengguna tempatan yang suka membeli barang harga murah dikawal kerajaan dan peniaga pula tidak pula boleh kawal.

Mengulas lebih lanjut, Salahuddin bagaimanapun enggan memberi bayangan apakah bentuk mekanisme yang sesuai bagi mengantikan sistem kawalan harga siling ketika ini.